

'Terlalu awal bincang PRN di enam negeri' ^{m/s: 2}

PH - 13/1/2023

Kuala Nerus: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan masih terlalu awal untuk mengadakan perbincangan mengenai Pilihan Raya Negeri (PRN) bagi enam negeri yang tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata ketutamaan ketika ini adalah memberi tumpuan kepada tugasnya selepas diberikan mandat dan dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10.

"Kita akan bincang (kerana masih) terlalu awal, bagi saya dalam sebulan dua ini hanya tumpu soal kerja, ...belum lagi bincang soal PRN," katanya selepas mengadakan perjumpaan bersama Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan di Dewan Senat Universiti Malaysia Terengganu, semalam.

Ketika ditanya bila masa yang sesuai untuk mengadakan PRN bagi enam negeri terbabit, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tāmbun, menyerahkan kepada pentadbiran kerajaan negeri yang berkenaan untuk menentukannya.

"(PRN) ini soal urusan negeri, cuma dia akan tetapkan yang sesuai (tetapi) kalau idealnya semua sekali, tetapi dia bukan di bawah bidang kuasa saya," katanya.

Anwar berkata, perbincangan juga akan dilakukan berhubung UMNO yang memberi bayangan akan bertanding bersama Pakatan Harapan (PH) dalam PRN kelak, namun memilih untuk kekal menggunakan logo Barisan Nasional (BN).

"Kita akan bincang, ...(sekarang ini) kita belum bincang pun lagi," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Ami-

nuddin Harun, berpendapat adalah lebih baik enam negeri yang belum membubarkan DUN mengadakan PRN secara serentak iaitu selepas habis penggal tahun ini.

Jelasnya, pembubaran DUN secara serentak bagi enam negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan adalah wajar bagi memudahkan pengundi mendapatkan cuti selain memastikan kos untuk mengadakan PRN di semua negeri itu tidak terlalu tinggi.

Syor PRN habis penggal

PH kini mentadbir di Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan sementara Kelantan, Terengganu dan Kedah dipimpin PN.

Sebelum ini, PH dan PN seakan bersetuju dan senada dengan cadangan untuk mengadakan PRN serentak, seiring syor Suruhajaya Pilihan Raya (SPR).

Namun, timbul cadangan dalam kalangan pemimpin PN sendiri, supaya PRN khususnya di Kelantan, Terengganu dan Kedah diadakan lebih awal.

Penganalisis dan pemerhati politik pula mencadangkan supaya PRN di negeri berkenaan diadakan hingga habis penggal supaya PRN dapat dilakukan serentak supaya kos ditanggung kerajaan adalah paling minimum.

Paling penting jangka masa waktu sesuai mana PH dan PN boleh setuju untuk membubarkan DUN serentak.

Tempoh paling sesuai adalah pada Mei atau Jun, selepas Hari Raya Puasa dan sebelum Hari Raya Haji.

Sebaiknya juga dilakukan serentak untuk enam negeri itu bagi mengelakkan kos yang tinggi untuk melaksanakan PRN.